



KEMENTERIAN KERJA RAYA

GARIS PANDUAN BAGI PERMOHONAN BAYARAN YURAN MASUK KELAB GOLF PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA (KGPA)

1. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk digunakan sebagai panduan oleh pegawai dan kakitangan Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya bagi urusan permohonan Bayaran Yuran Masuk Kelab Golf Perkhidmatan Awam Malaysia (KGPA) selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan WP 8.3.

Selain daripada itu, terdapat beberapa kawalan dalaman dalam bentuk arahan pentadbiran yang ditetapkan dalam garis panduan ini bagi memastikan proses bayaran ini dilaksanakan dengan lancar dan teratur serta memenuhi kehendak peraturan kewangan yang sedang berkuatkuasa.

2. TAFSIRAN

Perbendaharaan bersetuju memberi kelulusan khas kepada Kementerian/Jabatan untuk membayar yuran masuk secara terus kepada Kelab Golf Perkhidmatan Awam (KGPA), tertakluk kepada had maksimum RM4,000 bagi setiap pegawai yang diterima menjadi ahli kelab tersebut.

3. SYARAT-SYARAT

Pegawai yang diterima menjadi ahli KGPA hendaklah mengemukakan dokumen berkaitan kepada Kementerian/Jabatan masing-masing untuk mendapatkan kemudahan bayaran keahlian seperti yang dinyatakan di perenggan di atas.

4. BORANG PERMOHONAN

rujuk lampiran

5. KUASA MELULUSKAN PERMOHONAN

KKR dan JKR – **Pegawai Pengawal, Kementerian Kerja Raya**

6. SENARAI SEMAK

rujuk lampiran

7. PENUTUP

Diharapkan Garis Panduan Bagi Permohonan Bayaran Yuran Masuk Kelab Golf Perkhidmatan Awam Malaysia (KGPA) ini dapat dijadikan rujukan kepada semua pegawai dan kakitangan di Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya dalam memastikan proses bayaran akan dilaksanakan dengan teratur.

8. TARIKH KUAT KUASA

Arahan pentadbiran ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya ditandatangani.

ISI KANDUNGAN LAMPIRAN

Bil.	Perkara	Muka Surat
1.	Pekeliling Perbendaharaan – WP 8.3 Bayaran Yuran Masuk Kelab Golf Perkhidmatan Awam Malaysia (KGPA)	1-3
2.	Senarai Semak	4
3.	Maklum Balas Kementerian Kewangan Malaysia bertarikh 03 Februari 2020	5